

Sejarah dan Budaya  
**Bugis**  
di Tawau,  
**Sabah**



Sejarah dan Budaya  
**Bugis**  
di Tawau,  
**Sabah**

**SURAYA SINTANG**

**PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia

<http://www.ums.edu.my>

2013

---

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

**© Universiti Malaysia Sabah, 2013**  
**Cetakan Pertama, 2007**  
**Cetakan Kedua, 2008**  
**Cetakan Ketiga, 2013**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Suraya Hj. Sintang, 1973-

Sejarah dan Budaya Bugis di Tawau, Sabah / Suraya Hj. Sintang  
Mengandungi indeks

ISBN 978-983-2369-66-0

1. Bugis (Malay people)--Social life and customs--Sabah.

2. Bugis (Malay people)--History--Sabah. I. Judul.

305.89923

Muka taip teks:

Minion Pro

Saiz taip teks dan *leading*:

11/14 poin

Diterbitkan oleh:

Penerbit Universiti Malaysia Sabah  
Tingkat Bawah, Perpustakaan  
Universiti Malaysia Sabah  
Jalan UMS

Dicetak oleh:

88400 Kota Kinabalu, Sabah  
Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.  
Lot 50-A, Hiong Tiong Industrial Centre,  
Lorong Buah Salak 5, 11.2 km, Jalan Tuaran,  
88450 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

# Kandungan

Halaman

*Senarai Foto*

*Prakata*

<b>Bab 1</b>	Mengenalai Sosiobudaya Orang Bugis	<b>1</b>
<b>Bab 2</b>	Sejarah Awal Komuniti Bugis di Tawau, Sabah 1882-1931	<b>15</b>
<b>Bab 3</b>	Punca Penghijrahan Orang Bugis ke Tawau, Sabah	<b>39</b>
<b>Bab 4</b>	Adat Masyarakat Bugis di Daerah Tawau, Sabah	<b>61</b>
<b>Bab 5</b>	<i>Siri'</i> dan Kepentingannya Sebagai Benteng Jati Diri Orang Bugis	<b>89</b>
<b>Bab 6</b>	Kepercayaan Pra- Islam dalam Masyarakat Bugis: Satu Penelitian dari Naskhah <i>I La Galigo</i>	<b>109</b>
<b>Bab 7</b>	Roh Leluhur Nenek Moyang Menurut Kepercayaan Bugis dan Cina: Sorotan Terhadap Pengaruh Islam	<b>131</b>

*Indeks*

# Senarai Foto

Foto		Halaman
1.1	Bentuk tulisan Bugis yang dikenali sebagai <i>Sulapak Eppa'E'</i>	6
1.2	Naskhah sastra Bugis yang dikenali sebagai <i>Surek Galigo (I La Galigo)</i>	8
1.3	Antara barisan pakaian tradisional Bugis yang diperbuat daripada songket dan kulit nanas	11
1.4	Kecapi atau gitar merupakan sebahagian daripada alat muzik tradisional Bugis	11
1.5	Artifak Bugis seperti tombak, tanduk kijang dan pinggan mangkuk yang menjadi sebahagian daripada koleksi pameran di Muzium Bugis, Johor	12
1.6	Seni silat Bugis yang diiringi dengan irama gendang Bugis dipersembahkan ketika pesta perkahwinan ataupun pesta keramaian	13
1.7	Keunikan irama gong Bugis terserlah apabila pemain gong akan menunjukkan pelbagai aksi dan gaya ketika memukul gong	13
2.1	A Bugis Kampong on the waterfront in front of the District Officer's House, 1915	28
4.1	Sebarang upacara kenduri akan didahului dengan bacaan doa selamat di hadapan hidangan makanan seperti <i>Sokko</i> (nasi pulut), telur rebus dan <i>alannota</i> (sirih dan pinang) serta <i>air appasilli</i> (air mentah)	67
4.2	Seorang kanak-kanak yang sedang digunting rambut dan telur yang digantung di batang pisang pada majlis <i>maccera'</i> (aqiqah)	70
4.3	Tiga batang <i>sulu datu</i> yang dipacakkan ke dalam bekas yang diisi beras	76

4.4	<i>Pabasa'na</i> si mati yang terdiri daripada barang dan pakaian	80
4.5	Buah-buahan diikat pada tiang tengah rumah sebagai simbolik kepada kesejahteraan rumah baharu	83
6.1	Kelambu, tasbih dan beberapa bakul yang dipercayai tempat pemukiman <i>Aluk Todolo'</i>	119
6.2	<i>Sokko petanrupa</i> berserta gulai ayam yang dihidangkan bersama dengan <i>alannota</i> , <i>air appasili</i> dan sesikat pisang	121
6.3	Sebahagian daripada alat kebesaran orang Bugis	123

# Prakata

Kajian tentang tradisi budaya Bugis bukanlah suatu kajian yang baharu dijalankan. Sebaliknya, usaha penyelidikan telah bermula sejak abad ke-16 apabila beberapa sarjana linguistik Barat seperti Dr. B.F. Matthes, Dr. J.C.G. Jonker dan Dr. A.A.Cense memulakan kajian terhadap bahasa dan kesusasteraan Bugis. Pengkaji Barat semakin berminat untuk mendalami kajian etnografi ke atas orang Bugis apabila mereka mendapati orang Bugis mempunyai manuskrip yang dikenali sebagai *I La Galigo* dan beberapa jenis naskhah *lontara*' yang ditulis dengan menggunakan bentuk tulisan Bugis yang dikenali sebagai *Sulapak Eppa'E*'. Kehadiran warisan khazanah budaya ini menggambarkan aspek ketamadunan orang Bugis pada masa lampau. Malah, kajian terhadap tradisi budaya Bugis ini bukan sahaja telah menarik perhatian para pengkaji Barat, bahkan turut membawa kepada kemunculan golongan sarjana tempatan seperti Allahyarham Profesor Dr. Mattulada, Profesor Dr. Andi Zainal Abidin dan beberapa orang sarjana lain.

Kebanyakan hasil penulisan dan kajian terhadap orang Bugis pada kelazimannya hanya berlegar tentang tradisi budaya masyarakat Bugis di Sulawesi Selatan serta beberapa kawasan lain yang menjadi tumpuan penghijrahan orang Bugis seperti di pantai barat dan selatan Kalimantan, di daerah-daerah pantai timur dan utara Sumatera dan pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Sebaliknya, kajian terhadap masyarakat Bugis yang turut merantau ke Sabah, khususnya yang kini mendominasi beberapa daerah di kawasan pantai timur Sabah seperti Tawau, Sandakan, Kunak dan Lahad Datu kurang mendapat perhatian pengkaji. Justeru, buku yang menjadi tatapan pembaca kini merupakan himpunan kertas kerja yang cuba menggarap aspek-aspek budaya Bugis dari kalangan perantau Bugis di Sabah. Sebahagian besar daripada makalah tersebut telah dibentangkan di seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Terdapat juga beberapa makalah yang terkandung dalam buku ini yang telah diterbitkan dalam beberapa jurnal terbitan universiti tempatan seperti *Jurnal Peradaban* dan *Jurnal Kinabalu*. Beberapa makalah lain telah dibentangkan di Seminar Antarabangsa Budaya dan Pemikiran antara Negara China dan Malaysia pada 8-14 Jun 2005 di Beijing Foreign University, China, di International Seminar on Islamic Thought (ISOIT)



pada 7-9 Disember 2004 bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Seminar Borneo Research Council pada 31 Julai hingga 1 Ogos 2006 di Kuching, Sarawak.

Secara ringkasnya, buku ini mengandungi enam makalah yang menyentuh pelbagai aspek tradisi budaya Bugis dan proses sejarah penghijrahan orang Bugis. Buku ini dimulakan dengan makalah '*Mengenal Sosiobudaya Orang Bugis*' yang cuba memberikan pendedahan awal kepada pembaca yang berminat mengenali dan memahami kandungan asas tradisi budaya Bugis seperti tulisan, karya sastera, pakaian, artifak, alat muzik dan seni silat. Gambar-gambar yang dipaparkan dalam makalah ini adalah koleksi peribadi penulis yang telah menjalankan kajian dan tinjauan lawatan di Muzium Bugis, Johor; Muzium Port Rotterdam, Ujung Pandang dan penyertaan penulis semasa menyaksikan pementasan seni silat Bugis oleh sekumpulan persatuan Bugis dari Tawau. Makalah kedua, '*Sejarah Awal Komuniti Bugis di Tawau 1882-1931*' membincangkan sejarah pertapakan awal orang Bugis yang dipelopori oleh beberapa tokoh pengasas yang bertanggungjawab membangunkan kawasan sekitar Bandar Tawau. Makalah ketiga '*Punca Penghijrahan Orang Bugis ke Tawau, Sabah*' membincangkan aspek sejarah penghijrahan orang Bugis di daerah Tawau, Sabah. Makalah ini cuba mengungkap beberapa faktor penarik dan pendorong dalam pemilihan Tawau sebagai lokasi dan tumpuan utama penghijrahan orang Bugis berbanding daerah-daerah lain di Sabah.

Seterusnya, makalah keempat iaitu '*Adat Masyarakat Bugis di daerah Tawau*' memaparkan adat resam orang Bugis yang berunsurkan Islam yang diadakan pada hampir setiap tahap dalam kitaran hidup seseorang bermula dari adat kelahiran, perkahwinan dan kematian. Boleh dikatakan adat yang diamalkan masih kekal walaupun terdapat beberapa penyesuaian dengan budaya tempatan. Makalah kelima, '*Siri dan Kepentingannya Sebagai Benteng Jati Diri Orang Bugis*,' membincangkan nilai siri' yang berperanan sebagai benteng jati diri orang Bugis dalam empat aspek utama iaitu, *siri'* sebagai penentu harga diri wanita, *siri'* sebagai pencetus semangat keberanian kaum lelaki, *siri'* sebagai kayu ukur dalam menentukan nilai kemanusiaan diri seseorang dan *siri'* sebagai pendorong ke arah etos kerja yang dinamik. Bab keenam, '*Kepercayaan Pra-Islam dalam Masyarakat Bugis: Satu Penelitian dari Naskhah I La Galigo*' mengajak pembaca untuk berkongsi maklumat tentang karya

sastera Bugis, *ILa Galigo* yang memperkenalkan kepada masyarakat Bugis Sabah tentang khazanah ketamadunan warisan bangsa Bugis. *ILa Galigo* bukan hanya memuatkan kepercayaan asli orang Bugis sebelum proses penerimaan agama Islam, tetapi turut mendedahkan konsep penciptaan manusia. Bab ketujuh, '*Roh Leluhur Nenek Moyang Menurut Kepercayaan Bugis dan Cina: Sorotan Terhadap Pengaruh Islam*' merupakan perincian kepada aspek kepercayaan Bugis yang sebahagiannya masih dipengaruhi kepercayaan yang berunsurkan animisme dan Hindu-Buddha. Di samping itu, makalah ini cuba membuat perbandingan antara kepercayaan roh leluhur nenek moyang dalam kalangan orang Bugis dengan orang Cina. Namun, boleh dikatakan kepercayaan ini hampir tidak lagi dipegang oleh kebanyakan orang Bugis Sabah tetapi berkait rapat dengan amalan adat yang dipraktikkan pada hari ini.

Akhir kata, penulis ingin merakamkan rasa penghargaan kepada Penerbit UMS kerana mencetak semula buku ini bagi memenuhi keperluan pasaran. Ucapan setinggi terima kasih turut ditujukan kepada pihak Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan, Universiti Malaysia Sabah yang telah meluluskan geran penyelidikan untuk mendapatkan data tentang sosiobudaya orang Bugis. Ucapan terima kasih juga dihulurkan kepada beberapa informan dari kalangan masyarakat Bugis seperti Datuk Osman Jamal, Encik Andi Linge, Allahyarham Musta Sirat, Encik Chacho Bulla, Encik Barallah, Encik Ambotola dan beberapa nama yang tidak dapat disenaraikan, atas kerjasama yang diberikan dan kesudian mereka berkongsi maklumat dengan penulis. Tidak lengkap sekiranya ucapan penghargaan ini tidak dihulurkan buat suami, Prof. Madya Dr Baba Musta, anak-anak (Hilal, Ilmy, Ain dan Izzat) dan keluarga kerana cukup memahami tugas penulis sebagai pengkaji, pengajar dan penulis serta tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu. Kekurangan dan kesilapan pada buku ini datangnya dari kelemahan diri penulis sendiri. Sekiranya pembaca ingin mengajukan sebarang teguran, pembetulan ataupun pertanyaan, kirimkan menerusi e-mel penulis, [suraya@ums.edu.my](mailto:suraya@ums.edu.my).

Suraya Hj. Sintang  
Universiti Malaysia Sabah  
23 September 2013